

LAMPIRAN I

PANDUAN MEMPERTIMBANGKAN KELAYAKAN CALON-CALON UNTUK PENGURNAIAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT KEHORMATAN NEGERI SABAH

1. PENDAHULUAN

1.1 Pencalonan adalah bagi Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan berikut:-

- 1.1.1 Ahli Setia Darjah Kinabalu (A.S.D.K)
- 1.1.2 Ahli Darjah Kinabalu (A.D.K)
- 1.1.3 Bintang Setia Kinabalu (B.S.K)
- 1.1.4 Bintang Kinabalu (B.K)
- 1.1.5 Pingat Perkhidmatan Terpuji (P.P.T)

2. ASAS - ASAS PENCALONAN DAN PEMILIHAN

Setiap pencalonan hendaklah dibuat berdasarkan atau mengambil kira kedudukan termasuk jawatan, umur, jasa, khidmat masyarakat dan sumbangan kepada negeri serta negara. **Sekiranya calon pernah menerima anugerah, adalah digalakkan agar pencalonan seterusnya dibuat selepas empat (4) tahun daripada pengurniaan sebelumnya.**

Seseorang calon yang dicadangkan untuk sesuatu Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan hendaklah mempunyai rekod perkhidmatan yang bersih dan tidak terlibat dalam mana-mana kes tatatertib. Asas-asas pencalonan seseorang untuk menerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan adalah seperti berikut:-

2.1. Ahli Setia Darjah Kinabalu (A.S.D.K)

2.1.1 Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan ini dikurniakan kepada mereka yang tinggi taraf kedudukan dan telah memberikan jasa cemerlang kepada Negeri Sabah dan Negara;

2.1.2 Bagi Pegawai Kerajaan, Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan ini adalah sesuai bagi mereka di dalam Gred 48 dan ke atas, dan telah berkhidmat dalam perkhidmatan sekurang-kurang 20 tahun ; dan

2.1.3 Berumur 40 tahun ke atas.

2.2. Ahli Darjah Kinabalu (A.D.K)

2.2.1. Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan ini dikurniakan kepada mereka yang telah berjasa tinggi kepada Negeri Sabah dan Negara dalam apa jua lapangan;

2.2.2. Bagi Pegawai Kerajaan, Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan ini adalah sesuai bagi mereka di dalam Gred 41 dan ke atas, dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya 20 tahun; dan

2.2.3 Berumur 40 tahun ke atas

2.3. Bintang Setia Kinabalu (B.S.K)

2.3.1 Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan ini dikurniakan kepada mereka yang telah memberi jasa-jasa bakti di dalam hal-hal seperti yang berikut:-

- i. Telah menunjukkan jasa kejayaan yang lebih dari kejayaan biasa;
- ii. Telah memberi perkhidmatan yang tinggi mutunya;

- iii. Telah menjalankan tugas-tugas bahaya dan sukar dengan sangat cemerlang ; dan
- iv. Telah menjalankan tugas-tugas berlebihan daripada tugas - tugasnya.

2.3.2. Bagi Pegawai Kerajaan, Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan adalah sesuai bagi golongan berikut :-

- i. Pegawai dalam Gred 32 dan 29, dan telah berkhidmat sekurang - kurangnya 20 tahun; dan
- ii. Di dalam keadaan yang istimewa dan luar biasa, Pegawai di dalam Gred 22 dan 19 juga boleh dikurniakan.

2.3.3 Berumur 40 tahun ke atas

2.4 Bintang Kinabalu (B.K)

2.4.1. Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan ini dikurniakan kepada mereka yang telah menunjukkan perkhidmatan taat setia dan berbakti kepada negara dalam apa juga lapangan;

2.4.2 Bagi Pegawai Kerajaan, Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan ini adalah sesuai bagi Pegawai dalam Gred 22 dan 19, dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya 20 tahun; dan

2.4.3 Berumur 40 tahun ke atas


2.5 Pingat Perkhidmatan Terpuji (P.P.T)

2.5.1. Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan ini dikurniakan kepada mereka yang telah menunjukkan taat setia dan berbakti kepada Negeri Sabah dan Negara dalam apa juga lapangan;

2.5.2 Kurniaan ini sesuai bagi Pegawai Kerajaan dalam Gred 14 dan Gred 11 yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 25 tahun; dan

2.5.3. Berumur 45 tahun ke atas

Disediakan oleh: **Pejabat Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan**
Jabatan Ketua Menteri
06 MAC 2025



LAMPIRAN II

PENCADANG DAN PENYOKONG MENGIKUT KATEGORI

Pencadang dan Penyokong hendaklah terdiri daripada pemegang-pemegang jawatan seperti berikut:-

KATEGORI	PENCADANG	PENYOKONG
Kementerian	Timbalan Setiausaha Tetap / Ketua Bahagian / Pegawai Tadbir	Setiausaha Tetap
Jabatan	Ketua Bahagian / Pegawai Tadbir	Ketua Jabatan
Badan Berkanun	Ketua Bahagian / Pegawai Tadbir	Ketua Jabatan
Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK)	Ketua Bahagian / Pegawai Sumber Manusia	Mayor / Ketua Pengarah
Majlis Perbandaran	Ketua Bahagian / Pegawai Sumber Manusia	Presiden
Pejabat Daerah	Penolong Pegawai Daerah	Pegawai Daerah
Persatuan (NGO)	Timbalan Pengerusi / Timbalan Presiden	Pengerusi / Presiden
Syarikat Swasta	Penolong Pengarah / Penolong Pengurus	Pengarah / Pengurus

Disediakan oleh:

Pejabat Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan

Jabatan Ketua Menteri

2025